



**PERUTUSAN
YANG BERTAMBAH
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN**

SEMPENA SAMBUTAN HARI KESIHATAN MULUT SEDUNIA 2021

20 Mac 2021

**TEMA:
“BERBANGGALAH DENGAN MULUT AWDA”
(BE PROUD OF YOUR MOUTH)**

1. Sambutan **Hari Kesihatan Mulut Sedunia** (*World Oral Health Day, (WOHD)*) telah mula diisytiharkan pada tahun 2007 oleh **Persekutuan Pergigian Sedunia** (*World Dental Federation (FDI)*). Ianya pada awalnya disambut pada setiap 12 September tetapi kemudian telah diubah kepada 20 Mac. Perubahan tarikh tersebut telah diambil bagi mencerminkan bahawa warga emas sepatutnya mempunyai 20 bilah gigi kekal asal pada hujung hayatnya dan kanak-kanak pula sepatutnya mempunyai 20 bilah gigi susu. Sementara itu, orang dewasa sewajarnya mempunyai 32 bilah gigi kekal dengan tiada kerosakan. Jumlah gigi ini apabila diterjemahkan sebagai angka nombor menjadi 32/0, oleh itu Mac 20 telah dipilih untuk tarikh baru bagi sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia.

2. Sambutan Hari Kesehatan Mulut Sedunia diraikan setiap tahun dengan tema yang serupa selang tiga tahun dan merupakan kempen global yang menyatukan negara-negara di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam untuk bersatu dalam mengingatkan orang ramai tentang kepentingan penjagaan kesihatan mulut bagi mengurangkan beban yang disebabkan oleh penyakit-penyakit di dalam mulut. Tujuan sambutan ini adalah untuk memperkasa masyarakat dengan ilmu dan kefahaman mengenai dengan penjagaan kesihatan mulut serta kepentingannya, yang seterusnya diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada setiap individu untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing ke atas kesihatan mulut mereka.

3. Pada tahun 2021 kempen global baru telah dilancarkan dengan tema: **“Berbanggalah Dengan Mulut Awda” (Be Proud of Your Mouth)**. Tema ini menekankan kepentingan kesihatan mulut seseorang individu kerana ianya boleh mempengaruhi kesihatan seluruh badan. Seperti contoh, terdapat kajian yang diperolehi dari American Association of Periodontology yang menunjukkan hubungkait di antara penyakit gusi dan penyakit diabetes, di mana terdapatnya indikasi bahawa penyakit gusi boleh menyebabkan lebih sukar untuk mengawal penyakit diabetes; dan penyakit gusi yang menjadi semakin teruk juga boleh menyebabkan kadar gula di dalam darah meningkat. Kajian juga menunjukkan bahawa sebaliknya mereka yang menghidap penyakit diabetes juga berisiko untuk mendapat penyakit gusi. Walaupun punca penyakit gusi adalah apabila terdapat plak di dalam mulut, namun faktor-faktor lain yang menyebabkan kecenderungan untuk mendapat penyakit gusi antara lain

adalah seperti menghisap rokok, kecenderungan genetik, stress, diabetes dan penyakit jantung koronari. Kajian awal juga telah menunjukkan hubungkait di antara penyakit gusi dan penyakit jantung koronari dimana penyakit gusi telah dikaitkan dengan meningkatnya risiko mendapat penyakit jantung koronari.

4. Selain itu, kerosakan gigi boleh menyebabkan ketidakselesaan dan sakit yang boleh mengganggu makan, minum, tidur dan juga boleh menjejaskan prestasi kerja serta akademik. Ianya juga boleh mempengaruhi psikososial seseorang itu seperti berasa kurang yakin dan rasa rendah diri, yang boleh mengakibatkan kekurangan penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Menurut kajian **Metrik Kesihatan Global 2019 (*Global Health Metrics 2019*)**, masalah kesihatan oral menimpa hampir separuh penduduk dunia dengan anggaran 3.5 bilion orang. Manakala, menurut kajian **Kesihatan Mulut Kebangsaan Brunei Darussalam (NOHS) (*Brunei Darussalam National Oral Health Survey*) 2015-2017** pula, dua pertiga penduduk di Negara Brunei Darussalam mengalami kerosakan gigi yang belum dirawat.

5. Oleh yang demikian, pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan **Pelan Strategik 2019-2023** dengan visi **Bersama Ke Arah Warga Sihat** yang merangkumi promosi kesihatan mulut dan pelaksanaan program pergigian melalui kerjasama erat dengan sektor-sektor yang lain. Antaralain inisiatif yang termasuk di dalam pelan strategik tersebut ialah untuk bekerjasama dengan Kementerian

Pendidikan bagi memberikan pendidikan dan program peningkatan kemahiran mengenai kesihatan mulut secara menyeluruh di semua peringkat sekolah. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Pergigian juga akan meningkatkan lagi keberkesanan program-program yang sedia ada seperti:

3.1 Program Berus Gigi Fluorida, '*Fluoridated Toothbrushing Programme*' (FTB). Inisiatif ini adalah Kerjasama diantara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan yang bertujuan untuk mendidik kanak-kanak pada usia muda tentang cara penjagaan mulut asasi melalui taklimat **Kesedaran Kesihatan Mulut** dan rencana memberus gigi di sekolah.

3.2 Program Ubat Gigi Berfluorida bagi kanak-kanak atau '*Toddler Fluoride Rolling Toothpaste Programme*' (TFRTP). Di bawah program ini, kanak-kanak akan diberikan perjanjian pada setiap 6 bulan sehingga mereka mencapai usia 5 tahun. Ini adalah untuk meningkatkan penjagaan kesihatan mulut kanak-kanak melalui pendidikan, sesi kaunseling kesihatan mulut bagi ibu bapa dan aplikasi vernis fluorida (*fluoride varnish application*) kepada semua kanak-kanak yang berisiko tinggi untuk mengalami kerosakan gigi.

6. Disamping itu, antara inisiatif lain yang telah dan masih lagi diungkayahkan dalam memastikan kesihatan mulut sentiasa terjaga di negara ini ialah:

- 4.1 Penambahan **fluoride** ke dalam air (bahan yang terbukti boleh menguatkan gigi) di negara ini pada tahun 1987. Inisiatif ini adalah kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan;
- 4.2 Pemberian **Perkhidmatan Flying Dental** bagi memenuhi keperluan penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman;
- 4.3 Pengenalan **Program Antenatal** yang dilancarkan pada tahun 2006. Program ini merupakan daya usaha seluruh negara di dalam klinik-klinik kerajaan yang bertujuan bagi menegaskan kepentingan kesihatan gigi ibu dan anaknya serta seluruh keluarganya. Alhamdulillah, melalui inisiatif ini laporan dari **NOHS 2015-2017** menunjukkan bahawa Perkhidmatan Pergigian telah mencapai sasarannya dalam **Wawasan Brunei 2035**, iaitu untuk mengurangkan indeks '*Decayed Missing Filled Teeth*' (DMFT) ke bawah 1 bagi gigi kekal di kalangan kanak-kanak berusia 12 tahun. Walaubagaimanapun, Negara Brunei Darussalam masih berusaha untuk mencapai matlamat agar 80% kanak-kanak

di bawah umur 6 tahun bebas dari kerosakan gigi (*caries-free*).

7. Alhamdulillah, terdapat pelbagai usaha dari pihak Kerajaan melalui pelbagai Kementerian khususnya Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kesihatan mulut, namun dalam hal penjagaan mulut, setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk menjaga kesihatan mulut mereka sendiri. Selain dari mengamalkan penjagaan kesihatan mulut yang baik serta mengamalkan gaya hidup dan pengambilan pemakanan yang sihat, orang ramai juga dinasihatkan untuk melakukan pemeriksaan pergigian secara berkala di klinik-klinik pergigian yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Usaha dan disiplin diri setiap individu sendiri adalah mustahak dalam membuat perubahan yang nyata. Oleh yang demikian, bersempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia tahun ini, saya ingin menyarankan agar semua individu untuk sentiasa menjaga kesihatan mulut dengan baik, membuat pemeriksaan gigi yang berkala demi mencegah penyakit mulut dan seterusnya **Berbanggalah Dengan Mulut Awda (*Be Proud of Your Mouth*)**.

-TAMAT-